

Melaka negeri hijau 2020

9 Mac 2016



LADANG solar di Bandar Hijau Hang Tuah di Melaka mampu menghasilkan tenaga sebanyak lapan megawatt.

FENOMENA pemanasan global yang disebabkan oleh pelepasan gas karbon tidak terkawal daripada kilang-kilang dan kenderaan semakin membimbangkan.

Pemanasan global berlaku apabila gas-gas karbon yang terdapat di udara membenarkan haba masuk ke bumi dan menghalangnya daripada keluar. Situasi itu menyebabkan suhu permukaan bumi meningkat.

Menurut kajian, suhu permukaan bumi dianggarkan meningkat secara purata sebanyak satu darjah Celsius daripada tahun 2012 hingga 2015.

Sekiranya, kajian itu dijadikan sandaran, manusia dan seluruh tamadunya dijangka pupus kerana kekurangan sumber makanan ekoran cuaca panas serta pencairan ais di kutub sehingga meningkatkan paras air laut menjelang tahun 2100.

Menyedari hakikat itu, Melaka mengorak langkah untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas karbon menerusi program pembangunan teknologi hijau.

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Melaka, Datuk Wira Md. Yunus Husin berkata, Melaka merupakan negeri pertama di Malaysia yang memberi fokus kepada pembangunan teknologi hijau.

“Ia juga selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon kepada kadar 40 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perkapita menjelang tahun 2020,” katanya ketika ditemu bual Kosmo! di pejabatnya baru-baru ini.

Bagi merealisasikan impian itu, kerajaan negeri telah mewujudkan sebuah organisasi hijau yang dikenali sebagai Perbadanan Teknologi Hijau Melaka pada 2013.

Menerusi agensi itu, kerajaan negeri merancang sebanyak 23 program inisiatif hijau sehingga tahun 2020.

Antara program yang dilaksanakan ialah mewujudkan Bandar Hijau Hang Tuah Jaya, Melaka World Solar Valley, ladang solar, rangkaian stesen pengecas kereta, penggunaan bas elektrik, larangan penggunaan beg plastik dan polisterin serta program biodiesel Melaka.

Katanya, salah satu program yang berjaya memberi impak ialah pembukaan ladang solar pertama di Melaka iaitu Rembia dan Bandar Hijau Hang Tuah Jaya.

Piawaian



PUSAT Rehabilitasi Perkeso merupakan salah sebuah bangunan mesra alam yang dibina di Bandar Hijau Hang Tuah, Melaka.

“Melaka telah mewujudkan dua buah ladang solar iaitu di Rembia dengan kapasiti lima megawatt dan Bandar Hijau Hang Tuah Jaya (lapan megawatt).

“Tenaga itu kemudiannya dijual kepada Tenaga Nasional Berhad sebelum diagihkan ke rumah-rumah dan premis perniagaan di sekitar Melaka,” katanya.

Melaka juga mewujudkan sebuah kawasan khusus untuk pembangunan teknologi hijau iaitu di Bandar Hijau Hang Tuah.

Ujar Md. Yunus, semua pembangunan bandar di kawasan itu perlu mematuhi piawaian pembangunan bangunan hijau seperti Meterai Hijau Melaka, Green Building Index dan Leadership in Energy and Environmental Design.

“Kami telah mengisytiharkan kawasan seluas 2,085 hektar ini sebagai kawasan hijau.

“Rumah-rumah dan bangunan yang dibina di kawasan ini perlulah menggunakan teknologi-teknologi mesra alam. Antaranya, penggunaan lampu LED, sensor pada pancur air dan tenaga solar,” katanya.

Mengulas respons masyarakat mengenai program-program pembangunan hijau yang telah dilaksanakan di negeri itu, beliau memaklumkan ia sangat memberangsangkan.

Katanya, masyarakat sudah mula menerima dan mempraktikkan amalan-amalan hijau yang boleh membantu memelihara dan memulihara alam sekitar. – MOHD. SHAZWAN YUSOP